

## **BRAILLE AL-QURAN: SEJARAH DAN KADEAH BRAILLE AL-QURAN: HISTORY AND METHODS**

**Anisah Razali\*, Noornajihan Jaafar & Mohd Nur Adzam Rasdi**  
*Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia*  
*anisahrazali40@gmail.com\**

### **ABSTRACT**

*Braille is a reading or writing literacy system based on the sense of touch that has been used by the Visually Impaired (OKU) in their reading of printed materials such as the Quran. The Qur'an is the word of God revealed to human beings regardless of the typical or the disabled as a guide in daily life. For the Visually Impaired they use Mashaf Quran Braille to read. Each country has a history of the emergence of the Quran Braille and the method of writing also varies according to the country. Therefore, this article parses a book entitled Quran Braille: History and Methods. This book discusses the history of the development of the Quran Braille among the Muslim and Western communities and the emergence of the first Quran Braille in Malaysia. It also discusses in detail the writing methods used. Hopefully, this study can help provide exposure and a clear picture of the Quran Braille. In addition, giving the community an understanding of the Quran Braille used by the visually impaired is different from the commonly used mashaf of the Qur'an. In fact, it also opens the eyes of the community on how Islam is very kind and caring to the disabled community in approaching and understanding the contents of the Quran.*

*Keywords:* Quran Braille, Visually Impaired People, History, Writing Methods

### **ABSTRAK**

Braille merupakan satu sistem literasi membaca atau menulis yang berasaskan deria sentuhan yang telah digunakan oleh Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan dalam mereka membaca bahan bacaan bercetak termasuklah al-Quran. Al-Quran adalah kalam Allah yang diturunkan kepada manusia tidak mengira tipikal mahupun OKU sebagai panduan dalam kehidupan harian. Bagi OKU Penglihatan mereka menggunakan Mashaf al-Quran Braille untuk membaca. Setiap negara mempunyai sejarah kemunculan al-Quran Braille dan kaedah penulisan juga berbeza-beza mengikut negara berkenaan. Oleh itu, artikel ini mengupas sebuah buku yang bertajuk Braille Al-Quran: Sejarah dan Kaedah. Buku ini membahaskan sejarah perkembangan al-Quran Braille dalam kalangan masyarakat Islam dan Barat serta kemunculan al-Quran Braille pertama di Malaysia. Ia turut membahaskan secara terperinci kaedah penulisan yang digunakan. Diharapkan kupasan ini dapat membantu memberi pendedahan dan gambaran yang jelas mengenai al-Quran Braille. Disamping, memberi kefahaman kepada golongan masyarakat terhadap al-Quran Braille yang digunakan oleh golongan OKU Penglihatan adalah berbeza dengan mashaf al-Quran yang biasa digunakan. Malah turut membuka mata kepada masyarakat mengenai bagaimana Islam sangat menyantuni dan mengambil berat komuniti OKU dalam mendekati dan memahami isi al-Quran.

Kata kunci: Al-Quran Braille, Orang Kurang Upaya Penglihatan, Sejarah, Kaedah Penulisan

### **PENGENALAN**

Braille merupakan suatu sistem tulisan berasaskan sentuhan yang digunakan pada hari ini oleh masyarakat seluruh dunia. Penciptaan sistem tulisan Braille telah menghasilkan sinar harapan terhadap Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan khususnya dalam membolehkan penglibatan

mereka dalam aktiviti berkaitan ilmu dan pengetahuan. Sistem Braille telah menjadikan daya sentuhan sebagai salah satu saluran resepsi ilmu sebagai ganti kepada deria penglihatan. Peluasan aplikasi sistem Braille dalam pelbagai aspek bahasa dan kegunaan tertentu juga telah memperluaskan pengaruh dan peranannya dalam pemerkasaan OKU Penglihatan. Penerbitan al-Quran Braille sejak 1950-an dalam kalangan umat Islam telah menjadi usaha amat bermakna kepada OKU penglihatan Muslim sedunia. Mereka dapat membaca, serta memahami makna al-Quran seperti orang tipikal yang lain. Oleh itu, buku ini adalah antara salah satu karya yang mengangkat penuisan al-Quran Braille. Fokus buku ini adalah untuk mengisi kelomongan yang ada dalam bidang berkaitan Braille al-Quran di negara ini.

## RINGKASAN BUKU

Buku berjudul Braille Al-Quran: Sejarah dan Kaedah (2013) tulisan Muhammad Mustaqim Mohd Zarif yang diterbitkan oleh Penerbit USIM, merupakan hasil sebuah usaha memperkenalkan tulisan Braille kepada khalayak ramai. Ia mengupas mengenai al-Quran Braille di Malaysia dalam konteks sejarah, kaedah, amalan dan senario yang digunakan dalam penulisan Braille secara khusus. Selain mengulas sejarah sosial Braille al-Quran di negara ini, perbandingan dengan beberapa mashaf Braille terbitan negara Islam lain turut dilakukan dari aspek sejarah, kaedah dan format penulisannya. Buku ini mengandungi 179 halaman tidak termasuk indeks dan prakata. Pada kebanyakan halaman dilengkapi dengan contoh penulisan Braille dan titik-titik Braille. Manakala, terdapat rajah atau rujukan gambar dalam bentuk contoh jilid buku penulisan Braille termasuk al-Quran Braille, alatan Braille dan gambar ihsan arkib Negara Malaysia. Terdapat juga senarai rujukan yang terdiri daripada mashaf Braille dan sumber rujukan lain dan diakhiri dengan senarai indeks. Melihat kepada isi kandungan indeks, susunan nama tokoh, tanda baca dan tanda baris, istilah al-Quran dan perkataan-perkataan lain telah dibahagikan mengikut susunan abjad.

Penulis buku terbitan Penerbit USIM ini ialah Professor Dr Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, lahir pada tahun 1977 di Kuala Lumpur. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dan Sarjana dalam bidang Quran dan Sunnah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari University of Edinburgh, Scotland dalam pengajian Islam. Beliau giat melakukan penyelidikan dan menghasilkan penulisan dalam pelbagai bidang berkaitan Pengajian Quran dan Sunnah, Manuskip Melayu-Islam, Quran Braille dan Islam di Alam Melayu. Beliau juga pernah menjawat pelbagai jawatan antaranya ialah Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Pengarah Institut Kefahaman Quran dan Sunnah (IQ), Pengarah Pusat Pengajian Teras (PPT) dan Pemangku Penyelaras Institut Quran Braille (IQ Braille). Beliau juga merupakan salah seorang penerima Anugerah Khas Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) bagi tahun 2014.

Buku ini mengandungi enam topik perbincangan utama dan disusun kepada 6 bab. Tajuk di setiap bab adalah ringkas dan padat. Ia dimulai dengan kata pengantar yang ditulis oleh Encik Zakaria bin Yahya yang merupakan Yang Dipertua PERTIS ketika itu, diikuti dengan prakata, penghargaan, singkatan dan pendahuluan yang ditulis oleh Muhammad Mustaqim sendiri. Bab 1 membincangkan berkaitan tulisan berasaskan sentuhan, sejarah perkembangannya dalam kalangan masyarakat Islam dan Barat. Turut menyentuh juga berkenaan kaedah dan sistem tulisan yang pernah dihasilkan selain proses standardisasi tulisan-tulisan tersebut yang membawa kepada pengadaptasian Braille sebagai standard. Bab 2 pula membincangkan secara khusus mengenai sistem Braille dari segi struktur, pengelasan, metode transkripsi dan perkembangan beberapa kod Braille yang digunakan di Malaysia.

Seterusnya, penulis meneroka dan mengupas secara mendalam mengenai sejarah Braille al-Quran di Malaysia di dalam Bab 3. Bab ini menceritakan dari mula mashaf Braille dibawa masuk ke negara ini sehingga kepada perkembangan dan percetakan mashaf Braille terbitan PERTIS. Beberapa perkembangan dan isu semasa mengenai Braille al-Quran turut dibincangkan. Bab berikutnya pula memfokuskan kepada pembentangan struktur, metode dan format penulisan al-Quran Braille PERTIS. Ia juga turut membincangkan sejarah perkembangan kod Braille Bahasa Arab yang telah menjadi teras kepada Braille al-Quran. Bab 5 pula membincangkan mengenai salah satu daripada inisiatif yang pernah diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam membangunkan kod Braille al-Quran dari aspek struktur, metode dan format penulisannya. Beberapa isu berkaitan kod ini turut diusulkan selain membandingkannya dengan al-Quran Braille terbitan PERTIS. Akhir sekali, Bab 6 mengupas sejarah dan metod penghasilan dari aspek berkaitan struktur dan format penulisan al-Quran Braille dalam kalangan negara Islam. Sebagai penutup, terdapat beberapa rumusan berkaitan al-Quran Braille dibentangkan untuk perkembangan dan pemartabatan al-Quran Braille di negara ini.

## **KELEBIHAN BUKU**

Kelebihan buku ini adalah, ia merupakan buku pertama diterbitkan di Malaysia yang menceritakan mengenai al-Quran Braille dalam konteks Malaysia khususnya dari aspek sejarah dan kaedah. Sebelum ini, maklumat-maklumat mengenai sejarah dan perkembangan sistem tulisan al-Quran Braille di negara ini hanya tersimpan dalam bentuk pengalaman atau catatan kecil oleh pengguna sistem berkenaan dan individu-individu tertentu sahaja. Oleh itu, buku ini telah berjaya diterbitkan secara ilmiah dalam mengkaji mengenai sejarah al-Quran Braille di Malaysia. Kemunculan buku ini memberi sumbangan yang sangat bermakna kepada sejarah perkembangan tulisan Braille al-Quran di negara ini.

Seterusnya, kandungan penulisan buku ini menggunakan gaya bahasa, persempahan dan perbincangan ilmiah yang mudah dan menarik. Buku ini merupakan salah satu bahan rujukan dalam kalangan para pelajar Pengajian Quran dan Sunnah dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang mengikuti Kursus Aplikasi Braille. Pada masa yang sama, kandungan yang dipaparkan dalam buku ini berpotensi besar dalam merintis lebih banyak lagi kajian dan penyelidikan ilmiah mengenai al-Quran Braille pada masa-masa yang akan datang.

## **KELEMAHAN BUKU**

Namun, al-Quran Braille terbitan PERTIS yang dibincangkan dalam buku ini mengandungi beberapa kelemahan dan kesalahan dari aspek penulisan (*rasm*) al-Quran. Selain tidak berlandaskan kepada Rasm Uthmani, sistem ejaan perkataan-perkataan tertentu juga tidak seragam. Malah, wujud percanggahan dalam penggunaan tanda-tanda tajwid, waqaf dan sebagainya. Masalah ini berlaku kerana al-Quran Braille ini hanya disalin semula daripada al-Quran sedia ada tanpa berlandaskan kepada kaedah dan prinsip penulisan serta penandaan (*dabt*) al-Quran yang tepat. Kelemahan ini telah dikenalpasti disebabkan pada ketika itu tiada model khusus yang boleh dijadikan garis panduan kepada kaedah penulisan al-Quran Braille, terutamanya yang melibatkan kod Braille Bahasa Arab Gred 1. Oleh itu, sebuah buku lain telah dihasilkan oleh penulis yang sama iaitu Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, Abdul Qadir Usman Zarif dan Noornajihan Jaafar. Buku bertajuk Pembangunan Braille al-Quran Rasm Uthmani tersebut memfokuskan kepada pembangunan model rintis dan sampel penulisan al-Quran Braille berdasarkan enam prinsip utama Rasm Uthmani dan prinsip-prinsip lain yang berkaitan. Ia juga merupakan usaha awal ke arah

pembinaan model penulisan al-Quran Braille berdasarkan Rasm Uthmani yang lebih komprehensif di peringkat kebangsaan. Kini, Garis Panduan Penulisan Al-Quran Braille Standart Malaysia telah dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada 2021 serta Mashaf al-Quran Braille Malaysia telah dihasilkan dan dilancarkan pada tahun 2022. Ia telah dibangunkan sebagai panduan bagi penulisan al-Quran Braille yang sehampir mungkin dengan mushaf al-Quran bercetak Rasm Uthmani.

## **KESIMPULAN**

Seperti yang telah dibincangkan dalam Buku Braille al-Quran: Sejarah dan Kaedah, pengadaptasian sistem Braille dalam penulisan dan penghasilan mashaf Braille telah membuka peluang yang lebih luas kepada OKU Penglihatan untuk mempelajari dan membudayakan al-Quran dalam kehidupan mereka. Terdapat banyak negara Islam telah mengambil inisiatif untuk membangunkan mashaf al-Quran Braille mereka sendiri dan bukan sahaja perlu menepati kaedah penulisan al-Quran yang betul, bahkan juga mengikut kesesuaian dengan persekitaran dan latar belakang OKU Penglihatan Muslim yang berada di negara masing-masing seperti jenis qiraat yang digunakan oleh sesebuah negara. Kebanyakan daripada usaha tersebut juga didukung kuat oleh pihak berwajib negara-negara tersebut selain badan-badan berkenaan yang berusaha menyelaraskan penerbitan mashaf al-Quran Braille bagi OKU Penglihatan muslim. Sebagai contoh di negara Malaysia, badan beroutoriti yang meluluskan penerbitan al-Quran Braille Malaysia ialah KDN.

Selain itu, buku ini telah banyak dijadikan bahan rujukan dan panduan dalam beberapa penyelidikan seperti kajian yang dilakukan oleh Siti Nor Azimah Sabaruddin (2016), Mohd Nur Adzam Rasdi (2017), Anisah Razali (2022) dan lain-lain. Buku ini membantu penyelidik dalam mendapatkan gambaran, persoalan, dan maklumat penting mengenai Braille al-Quran di Malaysia dari aspek pengenalan, sejarah perkembangan struktur dan metode Mashaf Braille Malaysia. Bukan itu sahaja, buku ini juga memberi pengetahuan kepada penyelidik terhadap sejarah dan sistem Braille di negara-negara Islam lain. Oleh itu, buku ini banyak memberi manfaat dan menjadi satu titik permulaan dalam sesuatu kajian penyelidikan ilmiah mengenai al-Quran Braille.

Akhir sekali, karya ini telah memberi sumbangan yang besar dalam pengajian Islam. Pemahaman terhadap latar belakang OKU Penglihatan dan kemahiran dalam menguasai sistem tulisan Braille menjadi langkah pertama ke arah mengeratkan hubungan dan kerjasama antara komuniti OKU penglihatan dan golongan tipikal terutamanya dalam aspek penghayatan dan pengamalan agama yang bermula dengan pembacaan al-Quran yang betul dan sempurna. Ia memberi makna yang berharga terutamanya kepada komuniti OKU Penglihatan kerana dapat memberikan kefahaman kepada golongan masyarakat, sama ada yang tipikal mahupun OKU Penglihatan terhadap mashaf al-Quran Braille. Seterusnya berupaya membawa kepada perkembangan aspek penyelidikan dalam bidang tersebut yang lebih cerah pada masa akan datang.

## **Penghargaan**

Sekalung penghargaan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) di atas pendanaan bagi kajian yang bertajuk Pembangunan Modul Pengajaran Quran Braille Rasm Uthmani di bawah Geran Penyelidikan Sepadan (*Research Matching Grant*) USIM - Kerajaan (USIM/PERTIS/FPQS/LUAR-K/40721).

## **RUJUKAN**

- Anisah Razali, Noornajihan Jaafar & Mohd Nur Adzam Rasdi. 2022. *Penerokaan Pendidikan Al-Quran bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Penglihatan*. eProsiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke-12. e ISBN 978-967-2224-72-3
- Mohd Nur Adzam Rasdi, Noornajihan Jaafar, Khairul Anuar Mohamad, Nur Badriah Omar, Norakyairee Mohd Raus, Mahyuddin Hashim, Siti Rahmah Ahmad Razuan. 2017. *Iqra Braille Sebagai Modul Asas Pengajaran Dan Pembelajaran Tilawah Al-Quran Braille: Isu Ketidakseragaman Antara Dua Teks*. J-QSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. *Buku Braille. 2013. Al-Quran : Sejarah dan Kaedah*. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia. ISBN 978-967-440-005-7
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif Abdul Qadir, Umar Usman Al-Hamidy & Noornajihan Jaafar. 2013. *Pembangunan Braille al-Quran Rasm Uthmani*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Siti Nor Azimah Sabaruddin & Dr. Tengku Intan Zarina Tengku Puji. 2016. *Kajian Mengenai Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Al-Qur'an Braille : Suatu Analisis*.